

WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

KENYATAAN AKBAR PAS KAWASAN LABUAN

1. Dengan ini PAS Kawasan Labuan menerima sepenuhnya keputusan pimpinan Parti Islam Semalaysia (PAS) yang diumumkan oleh Tn Guru Dato Seri Presiden atas semangat setiakawan dan perpaduan dalam Pakatan Rakyat demi memenuhi kemahuan rakyat serta menyokong usaha menuju kemenangan ke Putrajaya bagi mengalahkan UMNO/ BN di Labuan.

2. Pas Labuan dengan berat hati memandangkan keputusan PAS bertanding di Labuan sudah lama di putuskan oleh Majlis Pakatan Rakyat WP namun akur kepada keputusan pusat tanpa mempersoalkanya.

3. Pas berjuang bukan untuk merebut takhta ataupun kepentingan peribadi dan apatah lagi manfaat kebendaan. Namun PAS berjuang demi kebenaran yang dibawa oleh Islam.

4. Keputusan PAS Labuan ini memberi gambaran yang jelas kepada UMNO BN bahawa Pakatan Rakyat tetap kukuh di Labuan

5. Kenyataan ini menggambarkan pendirian kita sebagai ahli Pas yang patuh dan ta'at kepada keputusan pucuk pimpinan.

6. PAS Kawasan Labuan telah melaksanakan gerakkerja dan tanggungjawab sejak daripada selesai PRU ke 12 yang lalu. Namun kami rela berkorban untuk memastikan hubungan dalam Pakatan Rakyat dan kami mengharapkan rakan rakan Pakatan Rakyat menghormati keputusan yang kami ambil ini.

8. Pas akan terus melaksanakan tanggungjawab dan peranan di Labuan walaupun tidak bertanding dalam PRU13 demi meneruskan khidmat kepada masyarakat Labuan untuk memastikan hak rakyat terus terbela.

9. Pilihanraya umum ke 12 menyaksikan terdapatnya calon2 PKR yg menang telah melompat parti sehingga jatuhnya kerajaan Pakatan Rakyat di Negeri Perak. Kami tidak rela samasekali perkara ini berlaku di Labuan.Jika ditakdirkan perkara ini berlaku, kami menegaskan kepada rakyat Labuan bahawa PAS samasekali tidak akan bertanggungjawab di atas pengkhianatan tersebut.

10. PAS Labuan memutuskan bahawa kerusi P 166 Labuan ini ditandingi PKR pada PRU 13 ini sahaja dan kami akan bertanding semula pada PRU 14 akan datang.

-PESURUHJAYA PAS WILAYAH PERSEKUTUAN-
TN.HJ.MOHAMAD NOOR MOHAMAD